

09 JAN 2002

Isa-Majlis

YANG DI-PERTUA MAJLIS PERBANDARAN NILAI DAN PORT DICKSON AKAN DIUMUM

SEREMBAN, 9 Jan (Bernama) -- Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) akan diumumkan tidak lama lagi, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Yang di-Pertua kedua-dua majlis perbandaran yang baru itu akan diambil daripada pegawai kanan kerajaan negeri dan nama mereka telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan.

Dua pegawai kanan yang dilantik itu tidak membabitkan Pegawai Daerah kerana mereka ada mempunyai tugas tertentu di daerah masing-masing, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Port Dickson diwujudkan hasil penaiktarafan dua majlis daerah ialah Majlis Daerah Seremban (MDS) dan Majlis Daerah Port Dickson (MDPD).

Mohamed Isa berkata kerajaan negeri telah membuat persiapan bagi pengisytiharan kedua-dua majlis perbandaran itu yang akan dilancarkan pada 1 dan 2 Feb.

"Penukaran status ini membolehkan kedua-dua majlis perbandaran itu mendapat peruntukan yang lebih besar daripada Kerajaan Pusat dalam menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur kepada penduduk di kedua daerah terbabit," katanya.

MPN diwujudkan kerana kawasan pentadbiran MPS sudah begitu luas, penduduknya melebihi 380,000 selepas pembukaan taman baru dan bandar baru, Bandar Baru Nilai (BBN) dan penduduk Port Dickson akan meningkat kepada 200,000 orang termasuk anggota pasukan keselamatan.

Mengenai belanjawan akan dibuat dua tahun sekali mulai tahun ini, Menteri Besar menyokong penuh saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Katanya, belanjawan selama dua tahun akan memudahkan pentadbiran dan kerajaan memantau projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

-- BERNAMA

AS APG FAZ